

LAMPIRAN 1

ISU-ISU YANG DIHADAPI DAN SYOR-SYOR BERKENAAN GOLONGAN PELARIAN DAN PENCARI SUKA SEMASA PENULARAN WABAK COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI MALAYSIA

BIL	ISU / CABARAN	SYOR / CADANGAN
1	<p>Ujian Saringan dan Pemeriksaan Covid-19:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Terdapat peningkatan jumlah pelarian dan pencari suaka yang ingin membuat pemeriksaan dan saringan Covid-19 terutamanya bagi individu yang menghadiri program tabligh di Petaling Jaya.ii. Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan pelarian dan pencari suaka yang masih takut untuk keluar membuat pemeriksaan kerana bimbang ditangkap dan ditahan kerana tidak mempunyai dokumen yang sah.iii. Komuniti pelarian juga risau sekiranya penempatan mereka dikenalpasti oleh pihak Kerajaan maka selepas krisis Covid-19 akan berlaku serbuan dan tangkapan secara besar-besaran di kawasan tersebut.	<ul style="list-style-type: none">i. Kerajaan telah memaklumkan bahawa semua pelarian dan pencari suaka yang tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah tidak akan ditahan dan meminta untuk menjalani saringan bagi mengesan Covid-19. Maklumat ini perlu disampaikan dengan kaedah yang berkesan kepada semua pelarian dan pencari suaka agar mereka tidak takut untuk keluar membuat saringan.ii. Bantuan seperti makanan, saringan kesihatan dan sebagainya yang ingin disalurkan oleh pihak Kerajaan kepada komuniti ini boleh dibuat melalui badan bukan kerajaan (NGO) tempatan kerana mereka lebih tahu secara khusus tentang penempatan komuniti ini dan pada masa yang sama ia akan mampu mengurangkan kerisauan komuniti ini bahawa penempatan mereka akan diserbu oleh pihak penguatkuasa Kerajaan selepas krisis Covid-19.

LAMPIRAN 1

2	Akses kepada Bantuan Kerajaan dan Makanan i. Komuniti pelarian dan pencari suaka tidak mempunyai akses kepada makanan dan amat sukar untuk mendapat bantuan makanan. Semasa tempoh PKP khususnya, mereka tiada alternatif untuk mencari makanan. Terdapat NGO yang cuba membantu komuniti ini dengan membekalkan makanan. Walau bagaimanapun terdapat NGO yang disekat dan tidak dibenarkan untuk menghantar bekalan makanan oleh pihak penguatkuasa. ii. Pihak NGO juga tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membantu golongan ini dan menggunakan sumber yang terhad untuk memberi bantuan iii. Semua umumnya, dasar Kerajaan tidak membenarkan golongan pelarian dan pencari suaka untuk bekerja. Oleh itu, ramai pelarian terpaksa mengambil upah harian bagi mendapatkan sumber pendapatan. PKP yang diumumkan Kerajaan sejak 18 Mac 2020 secara langsung telah menyekat pendapatan dan menyebabkan kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan. Tiada bantuan dihulurkan kepada mereka bagi meneruskan kehidupan.	 i. Kerajaan telah mengumumkan semua bantuan hendaklah dibuat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Oleh itu, Kerajaan perlu memastikan bahawa NGO yang membantu komuniti pelarian dan pencari suaka didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat tanpa banyak proses birokrasi dan mereka yang didaftarkan seharusnya dikategorikan sebagai perkhidmatan penting (<i>essential service</i>) dimana mereka tidak disekat oleh pihak polis dan arahan ini perlu dimaklumkan kepada semua agensi yang berkaitan untuk tujuan penyelarasan dan kelancaran proses bantuan yang diberikan. ii. Kerajaan perlu memperuntukkan dana khas dan bekerjasama dengan NGO yang sedang menolong komuniti pelarian dan pencari suaka. Peruntukan bajet kepada NGO untuk membantu golongan akan memastikan tiada sesiapa pun yang terpinggir selaras dengan dasar Kerajaan 'leaving no one behind'. Ini adalah penting kerana golongan ini hidup dalam serba kekurangan dan kehilangan pendapatan semasa tempoh PKP menyukarkan hidup mereka.
---	--	--

LAMPIRAN 1

3	Kebersihan dan Sanitasi i. Komuniti pelarian dan pencari suaka hidup berkongsi di dalam ruang yang sempit sesama mereka. Ada masanya dalam sebuah kawasan rumah-rumah mereka dibina secara rapat dan padat dan terdapat lebih daripada satu keluarga (3-4 keluarga) yang tinggal bersama dalam satu rumah. Hidup dalam kawasan/ruang yang padat akan memberikan impak kepada aspek kebersihan dan sanitasi serta sukar untuk mereka mengamalkan jarak sosial. ii. Tahanan warga pelarian dan pencari suaka yang berada di tempat-tempat tahanan juga berada dalam keadaan yang padat dan sekiranya peralatan kebersihan diri dan sanitasi tidak dibekalkan dengan secukupnya maka adalah sukar untuk mereka menjaga kebersihan diri dan ini akan mengakibatkan pelbagai penyakit berjangkit akan menular dengan cepat.	 i. Kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), perlu bekerjasama dengan NGO untuk turut memberikan bantuan perkhidmatan kesihatan kepada golongan pelarian dan pencari suaka. Kawasan perumahan mereka terutamanya yang berisiko tinggi juga perlu dinyah kuman. ii. Kerajaan juga perlu memastikan bahawa golongan ini sekurang-kurangnya mendapat peralatan kebersihan dan sanitasi yang asas seperti <i>facemask</i> dan sabun atau sanitiser dengan kadar segera pada tempoh PKP ini. iii. Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga perlu memastikan bahawa tempat tahanan khususnya, Depot Imigresen mendapat bekalan peralatan kebersihan diri dan sanitasi yang secukupnya agar ianya dapat dibekalkan kepada semua tahanan. Pada kebiasaannya, Depot Imigresen sering mengalami masalah kekurangan peralatan kebersihan diri untuk tahanan dan kakitangannya.
---	---	--

LAMPIRAN 1

4	Masalah Bayaran Sewa Rumah dan Bil Utiliti i. Kebanyakan pelarian bekerja di sektor informal untuk mendapatkan pendapatan. Semasa tempoh PKP mereka tidak dapat keluar untuk mencari pendapatan. Oleh sebab itu, mereka tidak mampu membayar sewa rumah dan menghadapi masalah atau risiko diusir keluar oleh tuan rumah. Selain itu, mereka juga tidak mampu membayar bil utiliti seperti bil elektrik.	 i. Kerajaan perlu mengambil inisiatif dengan memperuntukkan sejumlah dana kepada komuniti pelarian dan pencari suaka bagi membantu mereka dalam tempoh PKP. ii. Kerajaan dengan kerjasama antara NGO perlu menyediakan satu tempat penempatan khas untuk menempatkan golongan ini yang tidak mempunyai penempatan tetap dan bagi mereka yang menghadapi masalah pengusiran.
---	--	--

LAMPIRAN 1

<p>5</p>	<p>Penahanan bagi Pelarian dan Pencari Suaka serta Kesesakan di Depot Imigresen</p> <p>i. Adalah didapati semasa tempoh PKP, pihak penguatkuasa masih melakukan tangkapan di kalangan golongan pelarian. Tangkapan ini adalah berikutan pematuhan PKP dan juga ketiadaan dokumen rasmi. Tangkapan dan tahanan baru tanpa pemeriksaan kesihatan akan meningkatkan bilangan tahanan di tempat tahanan serta akan meningkatkan risiko penularan wabak Covid-19.</p> <p>ii. Tempat tahanan khususnya, Depot Imigresen yang menempatkan tahanan orang pelarian dan pencari suaka adalah amat padat dan sesak. Kepadatan yang tinggi pada ketika ini meningkatkan risiko penularan wabak Covid-19 dan pelbagai jenis penyakit berjangkit lain.</p>	<p>i. Pihak penguatkuasa, khususnya Imigresen dan Polis seharusnya mempunyai penyelarasan tugas dan arahan yang jelas semasa tempoh PKP. Penahanan pelarian dan pencari suaka disebabkan ketiadaan dokumen hendaklah dielakan sama sekali. Sekiranya seseorang itu ditahan untuk kesalahan lain, maka pemeriksaan kesihatan yang teliti harus dibuat. Tahanan tersebut hendaklah diasingkan sehingga keputusan pemeriksaan kesihatan tahanan tersebut diperolehi.</p> <p>ii. Kerajaan seharusnya memberikan akses kepada United Nations High Commission for Refugee (UNHCR) ke dalam tempat-tempat tahanan khususnya, depot-depot Imigresen untuk menjalankan proses saringan /temuduga bagi mengesahkan status seseorang tahanan samada dia orang pelarian atau tidak dan seterusnya membebaskan orang tersebut sekiranya dia disahkan sebagai seorang pelarian. Ini akan mengurangkan masalah kesesakkan dalam depot imigresen.</p> <p>iii. Kerajaan juga seharusnya mempertimbangkan untuk membebaskan banduan dan tahanan di penjara dan tempat tahanan bagi mereka yang ditahan untuk kesalahan kecil, mereka yang</p>
----------	---	---

LAMPIRAN 1

		<p>mempunyai masalah kesihatan yang kronik dan masalah mental.</p> <p>iv. Kerajaan juga harus memastikan bahawa orang pelarian dan pencari suaka yang ditahan mempunyai akses untuk mendapatkan bantuan guaman.</p> <p>v. Kerajaan perlu melaksanakan <i>Alternative to Immigration Detention</i> (ATD) khususnya kepada kanak-kanak yang ditemani dan tidak ditemani oleh penjaga. Selain itu, penjaga yang menemani kanak-kanak serta wanita yang mengandung juga harus dibebaskan kepada keluarga dan komuniti yang sedia mengambil angkat mereka.</p>
--	--	---

LAMPIRAN 1

6	<p>Kurang Maklumat Mengenai Covid-19 Dalam Pelbagai Bahasa</p> <p>i. Pelarian dan pencari suaka yang terdiri dari pelbagai warganegara dan bahasa tidak memahami maklumat yang disampaikan mengenai Covid-19 dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris menyebabkan mereka tidak tahu bagaimana untuk mengatasi jangkitan dan penularan wabak di kalangan mereka.</p>	<p>i. Kerajaan dengan kerjasama semua pihak termasuk NGO, persatuan serta komuniti perlu memberi pendedahan dan kesedaran dalam pelbagai bahasa dalam menangani penularan wabak Covid-19. Kerajaan juga boleh menjalin usahasama dalam menyebarkan maklumat/informasi yang disediakan dalam pelbagai bahasa oleh IOM, UNHCR dan NGO-NGO lain kepada komuniti ini berkenaan.</p> <p>ii. Pengedaran brosur atau risalah dalam pelbagai Bahasa kepada komuniti pelarian dan pencari suaka adalah perlu terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan pendalaman dan terhad kepada perhubungan.</p> <p>iii. Pihak penguatkuasa yang memberikan arahan atau yang menyiasat orang pelarian dan pencari suaka seharusnya mempunyai seorang jurubahasa atau perlu mencari alternatif lain supaya maklumat atau arahan yang disampaikan dapat difahami oleh mereka.</p>
---	--	--

LAMPIRAN 1

7	<p>Isu Keganasan Rumahtangga, Penderaan Seksual Terhadap Wanita dan Tekanan Mental</p> <p>i. Isu keganasan rumahtangga dan penderaan seksual semakin meningkat semasa tempoh PKP.</p> <p>ii. Masalah tekanan mental juga meningkat bagi komuniti yang terpaksa duduk di dalam rumah yang sempit dan tinggal beramai-ramai.</p>	<p>i. Perkhidmatan bagi mengatasi masalah keganasan rumahtangga, penderaan seksual kepada wanita harus dikategorikan sebagai perkhidmatan penting (<i>essential services</i>).</p>
---	---	--

LAMPIRAN 1

8	<p>Kedatangan Pencari Suaka Menerusi Perairan (Boat Arrival):</p> <p>i. Pada tahun 2020, sebanyak 3 bot orang Rohingya telah tiba di perairan Malaysia. Tanpa ketersediaan yang rapi, pelarian Rohingya dan lain yang tiba menerusi perairan ini mampu menyebarkan wabak Covid-19.</p>	<p>i. Kerajaan sedang bekerjasama dengan NGO untuk bantuan kemanusiaan bagi pelarian Rohingya yang tiba menerusi perairan. Adalah diharapkan agar kerjasama ini dapat ditingkatkan agar para NGO ini dapat membuat pemeriksaan awal terhadap latar belakang, kesihatan serta keadaan mereka yang tiba menerusi perairan. Ini kerana pihak NGO mempunyai kefahaman yang mendalam terhadap budaya, bahasa dan latar belakang komuniti ini dan ianya akan memudahkan pemeriksaan awal.</p> <p>ii. Selain itu, pihak Kerajaan perlu membenarkan pihak UNHCR untuk memproses golongan yang baru tiba. Golongan yang disahkan sebagai pelarian hendaklah dibebaskan ke komuniti masing-masing tanpa melalui proses tahanan di Depot Imigresen. Sementara itu, golongan ini boleh ditempatkan di pusat-pusat kuarantin sementara ataupun tempat perlindungan yang bersesuaian dengan Kerjasama NGO.</p>
---	---	--

LAMPIRAN 1

9	<p>Perlaksanaan Matlamat Sustainable Development Goal (SDG) – Layanan sama rata dan adil</p> <p>i. Sebagaimana pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat baru-baru ini bahawa tiada golongan yang akan tercicir (<i>no one will be left behind</i>). Walau bagaimanapun, komuniti pelarian dan pencari suaka tidak menerima sebarang bantuan dari Kerajaan sehingga menyebabkan mereka berada dalam keadaan daif serta mengalami tekanan hidup.</p>	<p>i. Pihak Kerajaan juga harus memberi perhatian kepada golongan pelarian dan pencari suaka di mana mereka juga terkesan sepanjang tempoh PKP.</p> <p>ii. Kerajaan perlu mempunyai satu kerangka polisi; program yang strategik bagi membantu golongan pencari suaka dan pelarian sekurang-kurangnya untuk mempunyai akses kepada keperluan asas terutamanya makanan dan tempat tinggal.</p> <p>iii. Kerajaan juga harus bekerjasama dengan semua badan yang berkaitan dengan komuniti pelarian dan pencari suaka agar dapat mengenalpasti dan mencari penyelesaian pada jurang yang wujud.</p> <p>iv. Kerajaan juga harus berusaha supaya bekalan makanan mentah berada secara konsisten di pasaran atau di kedai-kedai runcit. Badan-badan yang membuat perkhidmatan kebajikan pada masa krisis ini sepatutnya boleh mendapatkan bekalan makanan mentah secara konsisten dan dalam jumlah yang besar supaya dapat membekalkannya kepada golongan yang memerlukan.</p>
---	---	--